



Remaja derita buah pinggang kronik dan paratiroid

Oleh [Ainal Marhaton Abd Ghani](mailto:bhnews@bh.com.my) - November 19, 2022 @ 8:39am
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Tidak pernah terjangkau dalam fikiran pemuda ini yang dirinya menghidap penyakit kronik pada usia remaja, namun itulah hakikat yang perlu diterimanya.

Muhammad Aiman Rifqy Zakaria, 18, disahkan menghidap penyakit buah pinggang kronik selepas mengalami muntah dan tidak boleh makan hampir seminggu pada pertengahan Mac 2020.

"Akhirnya, bapa membawa saya lakukan pemeriksaan di Kuantan Medical Centre (KMC) pada 30 Mac 2020 dan ditahan semalaman untuk mencari punca muntah.

"Keesokannya, selepas beberapa ujian dilakukan saya disahkan menghidap penyakit buah pinggang tahap lima oleh doktor pakar nefrologi.

"Petang itu juga doktor pasang 'tapak' pada jam 4 petang dan menjalani dialisis selama empat jam bermula jam 6 petang," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Balok Permai di sini, semalam.

Muhammad Aiman Rifqy berkata, kejadian yang berlaku dalam sekelip mata itu membuatkan perasaannya bercampur baur antara terkejut, sedih dan buntu memikirkan bagaimana dia boleh menghidap penyakit kronik itu.

"Memang saya rasa 'down' sangat. Saya mengambil masa lama untuk terima hakikat hidup saya sudah berubah 360 darjah.

"Saya 'kehilangan' banyak benda yang saya suka, terutama solat jemaah, main futsal, bola sepak, badminton dan panjat gunung," katanya yang menjalani dialisis tiga kali seminggu.

Derita anak bongsu daripada tiga beradik itu semakin bertambah apabila kelenjar paratiroid dikesan di lehernya pada Jun 2021.

"Doktor sarankan saya ambil kalsium, namun kurang berkesan dan selepas tiga bulan sekali lagi ujian darah dilakukan dan didapati hormon paratiroid itu semakin tinggi.

"Mulai 22 Oktober lalu saya diberikan ubat berbentuk cecair dan sudahpun habis sebelum dicadangkan mengambil ubat jenis pil pula," kata bekas pelajar Kolej Vokasional Kuantan itu.

Sementara itu, ibu Muhammad Aiman Rifqy, Nur Suhana Rani, 50, mengakui amat terkejut selepas dimaklumkan anaknya menghidap penyakit buah pinggang kronik.

"Daripada seorang remaja yang aktif dia kini terpaksa hadkan pergerakannya.

"Saya sedih apabila Aiman pernah minta buah pinggang kakaknya seorang sebelah dan daripada saya, juga bapanya tetapi semua tidak sesuai atas faktor kesihatan," katanya yang menghidap penyakit kencing manis.

Nur Suhana berterima kasih kepada Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang menanggung kos rawatan dialisis Muhammad Aiman Rifqy namun masih memerlukan bantuan kewangan bagi menampung pembelian ubat untuk mengecutkan kelenjar paratiroid.

"Ubat untuk kecutkan paratiroid sahaja berharga RM600 untuk 30 biji sebulan dan Aiman perlu makan selama empat bulan berturut-turut sebelum doktor membuat keputusan sama ada teruskan atau menjalani pembedahan.

"Kalau dia tak makan ubat, paratiroidnya akan terus membesar. Untuk melakukan pembedahan, Aiman perlu dirujuk ke hospital pula," katanya.

Nur Suhana berkata, suaminya, Zakaria Ismail, 53 yang bekerja sebagai pemandu lori Felda juga menghidap kencing manis, sekali gus menuntut wang tambahan bagi membiayai kos rawatan susulan dan ubat-ubatan mereka tiga beranak.

Mereka yang ingin membantu boleh menghubungi Nur Suhana di talian 017-9043848.



Muhammad Aiman Rifqy Zakaria, berkongsi kisahny sebagai pesakit buah pinggang kronik tahap lima dan paratiroid ketika ditemui di rumahnya di Taman Balok Permai, Kuantan.
NSTP/Ainal Marhaton Abd Ghani